

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 6 TAHUN 2020**

Tarikh : 29 Julai 2020 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 6/2020.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Tayangan gambar pelaksanaan program/aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Julai 2020.
- ii) Pemakluman pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat di wajib mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Puan Pengerusi berkongsi pengetahuan berkaitan menstimulasi ekonomi tempatan. Beliau memaklumkan bahawa kesan daripada penularan pandemik COVID-19, ekonomi dunia kini menghadapi krisis yang terburuk sejak zaman Kemelesetan Ekonomi atau *Great Depression* pada tahun 1930-an. Kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada dua angka di Amerika Syarikat, India, Kanada, Sepanyol dan China. Konflik perdagangan serta pergolakan politik di beberapa negara juga akan memburukkan

lagi keadaan. Ini sekaligus memberi kesan yang lebih negatif kepada ekonomi dunia.

Seperti negara-negara lain, Malaysia juga menghadapi cabaran yang agak getir. Kadar pengangguran di Malaysia adalah di paras 3.9 peratus atau sekitar 610,000 orang pada bulan Mac 2020. Mengikut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia pada 14 Mei 2020, kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada 5.5 peratus atau lebih 860,000 orang penganggur untuk keseluruhan tahun 2020. Dengan mengambil kira situasi yang mencabar ini, ekonomi Malaysia dijangka menguncup pada suku kedua tahun ini berikutan usaha pembendungan penularan wabak COVID-19 yang masih berjalan di peringkat global dan dalam negara.

Untuk menangani situasi semasa ekonomi dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, Kerajaan telah memperkenalkan pakej-pakej rangsangan ekonomi, termasuk Pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan.

Selain itu, Kerajaan juga memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau secara ringkasnya PENJANA dengan tema “Bersama Menjana Ekonomi”. Di bawah PENJANA, Kerajaan telah mengenalpasti 3 teras utama iaitu:

- Pertama:Memperkasakan Rakyat (*Empower people*);
- Kedua:Melonjakkan Perniagaan (*Propel businesses*); dan
- Ketiga:Merangsang Ekonomi (*Stimulate the economy*)

Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan WEBINAR: Mestimulasi Ekonomi Tempatan - Pasca Covid 19 pada 20 Julai 2020 (Isnin). Webinar dipengerusikan oleh Presiden MALA, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan empat panel mewakili Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya serta *United Cities and Local Governments Asia Pacific* (UCLG-ASPAC).

Puan Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telah dijemput menjadi moderator bagi WEBINAR bersama ahli-ahli panel jemputan yang terdiri daripada YBhg. Dato' Haji Norazman bin Abd. Ghani, Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang, Tuan Mohd Zamri bin Mohd Esa, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson, YBrs Tuan Morshidi Frederick, Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Miri Sarawak, Dr. Bernadia Irawati Tjandradewi, Secretary General, UCLS ASPAC dan YBhg. Dato' Seri Maimunah binti Mohd Sharif, Pengarah Eksekutif *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat).

WEBINAR merupakan satu platform untuk berkongsi amalan-amalan terbaik Pihak Berkuasa Tempatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) terutama dari segi langkah-langkah penjanaaan semula ekonomi tempatan yang terjejas sepanjang tempoh PKP. Program WEBINAR yang julung-julung kali diadakan ini telah menarik minat hampir 1023 peserta

yang terdiri daripada pelbagai PBT seluruh Malaysia dan dilayari secara maya.

Ekoran penularan pandemik COVID-19, banyak perkara telah mendorong ke arah digitalisasi seperti mengadakan mesyuarat secara maya, e-dagang, transaksi tanpa tunai dan banyak lagi.

PBT selaku *Third Tier Government* yang paling dekat dengan masyarakat perlu memainkan peranan lebih aktif serta proaktif sebagai platform bagi menerajui transformasi ke arah ekonomi digital.

Semua PBT perlu berusaha dan menggembeng tenaga serta sumber untuk membantu bandar masing-masing dalam merangsang dan menstimulasi ekonomi pada peringkat pemulihan ini. Kita juga perlu memanfaatkan keupayaan, kekuatan dan sumber daya untuk merangsang ekonomi tempatan khususnya dalam membantu rakyat yang terlibat dalam sektor ekonomi mikro.

Keterlibatan berterusan bersama-sama industri juga penting yang mana PBT perlu membuka peluang kepada sektor-sektor yang terjejas seperti pelancongan, pembinaan, penjajaan dan juga syarikat multinasional (MNC).

Mereka perlu diberi peluang untuk berkongsi masalah yang dihadapi serta memberi input dan cadangan berkaitan bantuan atau sokongan yang diperlukan daripada PBT.

PBT juga perlu mengoptimumkan kemudahan dan infrastruktur sedia ada melalui konsep kerjasama awam dan swasta untuk menjana semula ekonomi dan membantu masyarakat tempatan. Majlis menjadi pemudah kepada peniaga utk mereka pulih dengan cepat.

Selain itu, kita juga perlu mempercepatkan projek infrastruktur sedia ada supaya sektor pembinaan dapat memulakan kerja-kerja dengan secepat mungkin. PBT juga perlu memudah cara dan mempercepatkan sebarang proses untuk membantu peniaga dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi merancakkan lagi ekonomi tempatan.

Tambahan lagi, PBT juga perlu bersedia untuk menyediakan ekosistem yang mampu mencipta dan meningkatkan peluang pekerjaan dan produktiviti dengan disokong inovasi teknologi serta menggalakkan keusahawanan. PBT boleh memperkenalkan inisiatif digitalisasi seperti platform dalam talian untuk pembelajaran dan memasarkan produk perniagaan melalui e-bazar atau kerjasama dengan pelbagai platform sedia ada.

- v) Pemakluman berkaitan dasar Kebenaran Merancang terhad bagi perubahan material bangunan (kediaman) untuk tujuan kegunaan pusat jagaan warga emas.

Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas (GP031-A) 2018 yang disediakan oleh Plan@Malaysia telah diterima pakai

oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.3/2019 bertarikh 20 Ogos 2019 dan Mesyuarat Perbandaran Subang Jaya pada 26 Februari 2020.

Garis Panduan ini menyatakan jenis bangunan (Kediaman) rumah berkembar dan rumah sesebuah dibenarkan untuk tujuan kegunaan Pusat Jagaan Warga Emas. Manakala rumah teres (Lot Pepenjuru) tidak dinyatakan.

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) (RTMPSJ (P2)) 2020 dan Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya (DRTSJ) 2035 pula menyatakan jenis bangunan kediaman iaitu rumah berkembar, rumah sesebuah dan rumah teres (Lot Pepenjuru sahaja) dibenarkan untuk tujuan kegunaan Pusat Jagaan Warga Emas.

Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.12/2020 bertarikh 21 Julai 2020 telah dimaklumkan bahawa dasar Majlis membenarkan rumah teres (Lot Pepenjuru) untuk kegunaan pusat jagaan warga emas seperti yang terkandung di dalam RTMPSJ (P2)2020 dan DRTSJ 2035.

- vi) Pemakluman berkaitan dasar Kebenaran Merancang terhad bagi perubahan material bangunan (kedai pejabat / rumah kedai / kedai) untuk tujuan kegunaan keagamaan.

Mesyuarat Jawatankuasa OSC Perancangan Dan Pembangunan Bil. 12/2020 bertarikh 21 Julai 2020 telah bersetuju bahawa kegunaan keagamaan di bangunan perniagaan jenis kedai pejabat, rumah kedai dan kedai tidak dibenarkan mengubah reka bentuk dan fasad bangunan sedia ada menjadi reka bentuk dan fasad bangunan rumah ibadat. Ubah suai dalaman bangunan yang minima dibenarkan tertakluk kepada semakan di peringkat kelulusan pelan bangunan.

- vii) Selain daripada itu, Puan Yang Dipertua turut berkongsi tentang situasi semasa kes demam denggi. Sehingga minggu epid 29 terdapat sebanyak 4594 kes demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ.

Terdapat 14 lokaliti *hospot* di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu di USJ 3/1, Batu 14 (Jalan Tembusu, Bakau, Masjid, Meranti), Taman Puchong Utama 7 Court 2, Taman Saujana Puchong SP3 (Rumah Kedai), Bandar Bukit Puchong (Vista Prima), Taman Tasik Prima 4, Taman Lestari Putra (LEP 4), Taman Serdang Perdana (South City Condo / Condo Perdana Selatan), Taman Serdang Raya (Jalan SR 7), Taman Serdang Jaya 7 (PKNS Blok 1-11), Taman Bukit Serdang 12 (Vista Serdang), Taman Sri Serdang 2 (Flat Ikan Blok 1-4), Taman Serdang Perdana SP 5 (Skyvillas) dan Taman Sri Serdang 3 (Jalan 18/30-18/44 & 18/46).

Ahli mesyuarat dimohon supaya mengingatkan masyarakat supaya mengamalkan aspek kebersihan dengan mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes di sekitar premis masing masing.

- viii) Pemakluman berkaitan kes covid 19, sehingga 27 Julai 2020 terdapat 8,904 kes Covid 19 dengan 124 kematian di seluruh Malaysia. Alhamdulillah, kawasan MPSJ masih lagi di dalam zon Hijau. Statistik taburan kes di Negeri Selangor mengikut daerah daripada 14 – 27 Julai 2020.

Daerah	Bilangan Kes
Petaling	1 (kawasan MBSA)
Hulu Langat	2
Gombak	2
Klang	0
Kuala Selangor	0
Sepang	3
Kuala Langat	0
Sabak Bernam	0
Hulu Selangor	0

Walau bagaimanapun, masyarakat dingatkan supaya terus menjaga kesihatan diri dan keluarga. Masyarakat perlu elakkan 3S iaitu sesak, sempit dan sembang dekat serta mengamalkan 3W iaitu *Wash* (kerap basuh tangan/guna handsanitizer), *Wear*

(digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), *Warn* (tidak bersalaman, etika batuk/bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- ix) Puan Pengerusi memaklumkan tentang pelantikan Ahli Majlis Baharu MPSJ. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan bil. 23/2020 telah meluluskan pelantikan Ahli Majlis dan MPSJ bakal menerima 3 orang Ahli Majlis baharu berkuatkuasa 1 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2022. Ahli Majlis baharu ialah Encik Muhammad Fauzan bin Rosli daripada parti AMANAH, Encik Mohamad Syafik bin Mohamad dan Puan Aniza binti Jamaludin daripada PKR.

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis baharu akan diadakan pada 7 Ogos 2020 (Jumaat), pukul 9.00 pagi bertempat di bilik Yang Dipertua dan akan disaksikan oleh Parti WHIP.

- x) Puan Yang Dipertua turut berkongsi berkenaan informasi program yang akan dilaksanakan sepanjang bulan Ogos 2020 seperti yang berikut :
- a) Kempen Jom Kibar, Terima Kasih Malaysia sempena sambutan bulan kemerdekaan yang ke-63.

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan mengadakan Kempen 'Jom Kibar, Terima Kasih Malaysia' Sempena

Sambutan Bulan Kemerdekaan Yang Ke 63 bermula pada 1 Ogos 2020 (Sabtu) sehingga 16 September 2020 (Rabu).

Kempen ini bertujuan untuk memupuk semangat patriotik di kalangan komuniti sekaligus menjadi platform kepada komuniti bagi menzahirkan ucapan terima kasih kepada negara di dalam kejayaan membendung penularan pandemik Covid-19.

Kempen ini terbahagian kepada dua kategori utama iaitu Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ dan individu di bawah pentadbiran MPSJ.

Pelbagai hadiah menarik menanti pemenang dimana tempat pertama bagi kategori JKP MPSJ adalah sebanyak RM 2,000.00, kedua RM 1,500.00, ketiga RM1,000.00 dan anugerah khas juri RM 500.00. Sebanyak 50 hadiah cabutan bertuah bagi kategori individu di bawah pentadbiran MPSJ akan disediakan yang dianggarkan hampir RM 50,000.00. Kempen ini juga melibatkan rakan sinergi yang akan turut sama menyokong program ini.

- b) Program kutipan caj beg plastik Negeri Selangor Peringkat MPSJ

MPSJ telah melaksanakan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor melalui Pekeliling SPBT BIL. 6/2019 bermula Disember 2019.

Sebanyak 5 kategori premis perniagaan wajib berdaftar dengan MPSJ bagi membenarkan pengenaan caj pencemaran RM0.20 dikenakan kepada pelanggan bagi setiap helaian beg plastik yang dibekalkan.

Sehingga 24 Julai 2020, pendaftaran premis perniagaan adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH
Pasaraya besar (Supermarket / Hypermarket)	15
Pasar raya / pasar mini / kedai serbaneka / kedai rangkaian	209
Restoran / kafeteria / kedai makan	69
Farmasi/ barangan kesihatan / penjagaan diri	48
Lain-lain (contoh: kedai aksesori / kedai pakaian, dll.	56
JUMLAH	397

Premis perniagaan yang telah berdaftar akan diberikan sijil pendaftaran di mana pengusaha wajib mempamerkan sijil tersebut di kaunter bayaran premis masing-masing.

Merujuk Pekeliling SPBT Bil 6/2019 setiap PBT telah diarah mewujudkan Akaun Amanah Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor. Serahan kutipan sebanyak 60% akan diserahkan kepada Tabung Amanah kerajaan Negeri Selangor manakala 40% akan disalurkan ke Akaun Amanah MPSJ.

Jumlah serahan sehingga 24 Julai 2020, bagi kutipan caj beg plastik bagi bulan Januari hingga Jun 2020 adalah sebanyak **RM 243,543.15**.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 5/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 5/2020 bertarikh 24 Jun 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 5/2020

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 5/2020 bertarikh 24 Jun 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.11/2020 bertarikh 8 Julai 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.12/2020 bertarikh 21 Julai 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 65	Encik Yap Kok Weng	Cadangan kelulusan pelan kerja tanah bagi membina sebuah rumah banglo 3 tingkat dan 1 tingkat bawah tanah di atas lot 66278, Jalan Le 2/6, Lake Edge, 47610 Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Untuk : Neo Eng Hui	Beliau inginkan penjelasan berkenaan perkara iv : perlu mendapatkan ulasan daripada pihak JPS Selangor. Pihak JPS telah memberikan maklum balas dalam mesyuarat. Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta syarat b (iv) : perlu mendapatkan ulasan daripada pihak JPS Selangor digugurkan kerana pihak JPS telah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memberikan ulasan semasa mesyuarat.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>
2.	Para 6.12 m/s 55	Encik Yap Kok Weng	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan bagi Cadangan Pembangunan Perniagaan Untuk Triumph Bliss Sdn. Bhd. (Co. No:885448-X)</p>	<p>Beliau inginkan penjelasan berkenaan keputusan mesyuarat kerana sepatutnya tidak diluluskan sambungan Kebenaran Merancang.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk memberikan lanjutan tarikh Kebenaran Merancang Mutlak untuk tempoh moratorium selama 3 bulan bermula 29 Oktober 2020 sehingga 29 Januari 2021.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
3.		Encik Tai Cheng Heng		<p>Beliau memaklumkan bahawa kawasan pembangunan ini kerap menghadapi masalah banjir kilat. Beliau meminta agar satu kajian dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang membelenggu penduduk sekitar.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Mesyuarat bersetuju agar dilaksanakan satu Mesyuarat Khas bagi perbincangan lanjut masalah tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan / Jabatan Perancangan Bandar</p>

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan
Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.5/2020 bertarikh 8 Julai
2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2020 bertarikh 15 Julai 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan
Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.
4/2020 bertarikh 15 Julai 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.2.2 & m/s 11	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Hal-hal Lain Pemasangan papan tanda notis larangan meminum minuman keras, merokok dan menghisap vape di taman permainan	Beliau memohon penjelasan samada perkara ini menggunakan peruntukan JKP atau MPSJ. Maklum balas : Puan Yang Dipertua mengalu-alukan sekiranya JKP ingin menggunakan peruntukan JKP. Makluman

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 4/2020 bertarikh 16 Julai 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.8.8 & m/s 22	Encik Thamilarasu Sandayan	Status pegambilalihan kolam tadahan dan masalah banjir	<p>Beliau ingin penjelasan berkaitan isu status pengambilalihan kolam tadahan di Bluewater Estate serta masalah banjir di kawasan sekitar.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta isu tersebut dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>
2.	Para 7.6.2 & m/s 18	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal lain – Projek kawalan banjir	Beliau meminta pindaan minit bagi perkara berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>i) Perkara 7.6.2 – pembetulan nilai projek kawalan banjir RM 1.5 juta kepada RM 4 juta.</p> <p>ii) Perkara 7.6.4 – perkataan belai kepada beliau.</p> <p>Maklum balas:</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam membuat pindaan ke atas minit mesyuarat seperti yang diminta.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan ICT
Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 4/2020 bertarikh
22 Julai 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

**6.1 Kertas Usahasama Pihak MPSJ-Maybank Menerusi Platform
Perniagaan Atas Talian (Online) (Sama-sama Lokal)
(Kertas Mesyuarat Bil.12/6/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Pelesenan dan dibentangkan oleh Pengarah Pelesenan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas kerja usahasama pihak MPSJ-Maybank menerusi platform perniagaan atas talian (*online*) (sama-sama lokal).

Tindakan : Jabatan Pelesenan

**6.2 Kertas Garis Panduan Permohonan Kebenaran Merancang
Perubahan Material Kegunaan Bangunan Industri Kepada
Pusat Makanan (Premis Makanan) Di Majlis Perbandaran
Subang Jaya
(Kertas Mesyuarat Bil. 13/6/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menengguhkan kertas cadangan ini.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

**6.3 Makluman Menerimapakai Garis Panduan Perancangan
Menara dan Struktur Sistem Pemancar Komunikasi di Negeri
Selangor 2019 di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran
Subang Jaya
(Kertas Mesyuarat Bil. 14/6/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan meluluskan Kertas Cadangan Garis Panduan Perancangan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Komunikasi di Negeri Selangor 2019 di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

**6.4 Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Luaran Jenis Lumi
Majlis Perbandaran Subang Jaya
(Kertas Mesyuarat Bil. 15/6/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan meluluskan Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Luaran Jenis Lumi Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

**6.5 Kertas Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Penjagaan Ibu Bersalin dan Bayi Majlis Perbandaran Subang Jaya
(Kertas Mesyuarat Bil. 16/6/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan meluluskan Kertas Cadangan Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Penjagaan Ibu Bersalin dan Bayi Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

**6.6 Kertas Dasar Program Pemutihan Premis Perniagaan Tanpa Kebenaran di Kampung Tradisi dan Kampung Baru di atas Tanah Persendirian (Tanah Pertanian dan Tanah Bangunan) dan Rizab Kerajaan di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya
(Kertas Mesyuarat Bil. 17/6/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan meluluskan Kertas Dasar Program Pemutihan Premis Perniagaan Tanpa Kebenaran di Kampung Tradisi dan Kampung Baru di atas Tanah Persendirian (Tanah Pertanian dan Tanah Bangunan) dan Rizab Kerajaan di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan tambahan 2 lokasi Kampung Batu 14 Puchong dan Kampung Serdang Lama.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

6.7 Kertas Cadangan Pengemaskinian Senarai Terkini Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Dan Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil. 18/6/2020)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dengan pengemaskinian senarai terkini keahlian Mesyuarat Jawatankuasa

dan zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan /
Jabatan Pembangunan Masyarakat**

7.0 PEMBENTANGAN USUL

7.1 Usul dibentangkan oleh Encik Yap Kok Weng berkenaan pembaharuan Kebenaran Merancang Sekolah Swasta sedia ada di kawasan lot kilang.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat memutuskan bahawa pembukaan sekolah baharu dalam kawasan industri tidak dibenarkan di masa hadapan. Sekolah sedia ada di kawasan industri akan diberi tempoh masa untuk memberi peluang kepada pentadbir mencari kawasan baharu yang lebih bersesuaian.

Pertimbangan pembaharuan Kebenaran Merancang bagi sekolah sedia ada akan dibincangkan dalam mesyuarat yang bersesuaian dan dipertimbangkan mengikut kes.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

8.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 29 Julai 2020

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD FADZIL BIN MAHAT), A.M.N., A.M.S.

Pengarah Jabatan Perbendaharaan

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan. | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | Ahli Majlis |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 7. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 8. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |
| 9. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 12. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 13. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 14. | Encik Thamilarasu Sandayan | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 15. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 16. | Encik Lee Jen Uyin | - | " |
| 17. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 18. | Encik Koh Eng Kee | - | " |
| 19. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
3. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
4. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
5. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
7. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

8. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
9. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
10. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
15. Sr Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
17. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
18. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
2. Puan Kavitha a/p Chandragesan - Ahli Majlis
3. Puan Ng Seow Chen - "
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan